

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 9 FEBRUARI 2019 SEHINGGA 15 FEBRUARI 2019



HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH
9 FEBRUARI SEHINGGA 15 FEBRUARI 2019

 RON97	 RON95	 DIESEL
 4 sen	 4 sen	 0 sen
RM2.27 /seliter RM2.23	RM1.97 /seliter RM1.93	RM2.18 /seliter

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 9 Februari 2019 sehingga 15 Februari 2019 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 4 sen seliter iaitu daripada RM2.23 seliter kepada RM2.27 seliter;
2. harga runcit petrol RON95 naik sebanyak 4 sen seliter iaitu daripada RM1.93 seliter kepada RM1.97 seliter; dan
3. harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter.

Harga produk petroleum yang diproses (*refined product*) di pasaran dunia telah meningkat berbanding minggu sebelumnya iaitu daripada USD60 setong kepada USD62 setong bagi petrol RON95 dan daripada USD72 setong kepada USD73 setong bagi diesel. Peningkatan harga pasaran global ini telah menyebabkan kenaikan harga runcit bagi produk petrol dan diesel. Namun harga runcit petrol RON95 masih lagi di bawah paras penstabilan harga yang dijanjikan oleh Kerajaan iaitu RM2.20 seliter.

Bagi produk diesel, peningkatan harga pasaran ini sepatutnya menyebabkan harga runcit diesel di bawah formula APM dinaikkan sebanyak 1 sen seliter iaitu daripada RM2.18 seliter kepada RM2.19 seliter.

Walau bagaimanapun selaras dengan janji Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan untuk menstabilkan harga runcit diesel pada paras RM2.18 seliter sekiranya harganya melebihi paras itu, harga runcit diesel bagi tempoh 9 Februari 2019 sehingga 15 Februari 2019 adalah dikekalkan tanpa berubah pada paras RM2.18 seliter.

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

8 Februari 2019

